

19 AUG 2002

Mahathir-Asean/I

DR MAHATHIR: ASEAN MERUPAKAN SEBUAH DARIPADA PERSATUAN TERKUAT

Oleh: Rohana Mustaffa

YANGON, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa Asean, walaupun mempunyai beberapa kelemahan dan malahan kegagalan, masih merupakan sebuah daripada persatuan terkuat negara-negara membangun.

"Melalui Asean kita telah mengurangkan konfrontasi yang tidak sepatutnya berlaku yang biasanya terjadi di antara jiran-jiran dan juga saling belajar mengenai kaedah dan sains dalam membangunkan negara-negara kita," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata negara-negara Asean telah memperkukuhkan ekonomi mereka melalui penggalakkan perdagangan dan pelaburan antara Asean dan melalui kerjasama serantau telah melindungi industri mereka dan telah membantu industri-industri bersama mereka melalui pelbagai dasar dan strategi bersama.

"Di Malaysia, kita percaya dalam membantu jiran-jiran kita untuk membangun, sebahagiannya untuk menyelamatkan kita daripada turut terkena kesan daripada kerajaan yang miskin dan tidak stabil dan sebahagian lagi kerana jiran yang makmur adalah pasaran yang baik bagi produk Malaysia," katanya kepada 550 peserta dan tetamu persidangan teknologi di sini.

Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia anjuran bersama Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar (SPDC) dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Institut Sultan Iskandar (ISI).

Beliau sedang dalam rangka lawatan dua hari ke Myanmar atas jemputan Pengerusi SPDC dan Perdana Menteri Myanmar Jeneral Kanan Than Shwe dan sebagai membalas lawatan Than Shwe ke Malaysia pada September tahun lepas.

Dr Mahathir berkata Malaysia secara ikhlas mahu melihat rantau Asean makmur dan kuat bagi membolehkan mereka menangkis pencari mangsa dari luar.

Dan Malaysia tidak terlibat dalam permainan Hasil Tambah iaitu sesebuah negara hanya boleh mendapat untung sekiranya sebuah lagi negara mengalami kerugian kerana Malaysia percaya dengan falsafah Menang-Menang dengan semua pihak patut mendapat untung dan tiada siapa yang rugi, katanya.

Beliau berkata berpegang pada kepercayaan itu, Malaysia telah bekerjasama rapat dengan semua jirannya dan terutamanya negara-negara anggota baru Asean yang, akibat perjuangan masa lampau mereka yang telah menyebabkan banyak kerugian, telah ketinggalan di belakang.

"Kami percaya bahawa pengalaman kami untuk berkembang melalui penyertaan asing dalam ekonomi kami, juga boleh dijadikan pengalaman oleh semua negara yang berhasrat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi mereka dan kami tahu bahawa pelaburan asing tidak akan menjejaskan kemerdekaan kami," katanya.

Perdana Menteri berkata ini merupakan satu-satunya cara bagi negara-negara lemah untuk melindungi diri mereka sendiri, dengan saling bekerjasama menggabungkan aset-aset mereka yang sedikit dan membentuk kerjasama lebih kukuh antara negara-negara serantau dan juga antara rantau, satu kerjasama yang tidak akan menghapuskan identiti kebangsaan mereka.

Menekankan pentingnya negara-negara lemah berkumpul bersama, berdasarkan hakikat dunia sekarang berikutan wujudnya pelbagai peluang bagi manusia untuk berinteraksi, beliau berkata keadaan itu telah dieksploitasi oleh mereka yang melihat peluang itu sebagai tawaran bagi mereka untuk memperluaskan pengaruh dan kuasa mereka.

Mentaliti pembuli kampung telah menjangkiti mereka terbabit dan biasanya dalam dunia seumpama itu, kuasa adalah betul dan keadilan serta berlaku adil akhirnya akan diketepikan, katanya.

Dr Mahathir berkata persoalan mengenai betapa mereka yang lemah akan sekali lagi menyerah kepada mereka yang kuat dan betapa kedaulatan dan kemerdekaan yang mereka pertahankan akan bergantung bukan kepada kekuatan fizikal mereka tetapi terhadap strategi yang mereka guna pakai dan perjuangan bersama yang mereka jalin dengan pihak lain yang berada dalam kelompok yang sama.

Beliau berkata negara-negara lemah perlu sedar bahawa malahan yang kuat juga saling bekerjasama untuk memastikan mereka lebih kuat lagi dan sekiranya perkara itu tidak mudah bagi mereka, pastinya ianya bukan mudah bagi negara-negara lemah.

Dalam mengalu-alukan pelaburan asing, Dr Mahathir menegaskan bahawa Malaysia sendiri sentiasa kekal bebas dalam perkataan dan tindakannya dan ia tahu bahawa orang asing bukan datang ke negara itu untuk berbuat kebajikan dan bahawa mereka berhak terhadap keuntungan hasil daripada modal dan pelaburan teknologi mereka.

Kerajaan hanya mahukan kerja bagi rakyatnya dan tidak berminat untuk menjana pendapatan bagi tabung kerajaan dan Malaysia telah mencapai kejayaan besar hinggalah kini Malaysia kekurangan pekerja, katanya.

Dr Mahathir berkata pekerja Malaysia kini telah mempunyai kemahiran tinggi, pengurus-pengurusnya juga lebih cekap dan kekayaan negara telah meningkat yang membolehkannya mempunyai banyak simpanan dan modal yang mencukupi bagi para usahawan tempatan.

"Hari ini rakyat Malaysia berupaya melabur sendirian dalam industri-industri canggih yang satu masa dahulu diperuntukkan bagi perbadanan asing," katanya.

Perdana Menteri turut menarik perhatian kerajaan Myanmar akan hakikat bahawa walaupun usahawan Malaysia berharap mereka dialu-alukan sepertimana cara pelabur asing dialu-alukan ke Malaysia, kerajaan sedar bahawa kebanyakan negara menjangkakan mereka, sebagai pelabur asing, untuk menghormati sensitiviti, undang-undang, agama, dasar domestik dan asing negara berkenaan.

Ali perniagaan, pedagang dan pelabur Malaysia pastinya dijangka akan berbuat demikian dan kerajaan Malaysia akan memastikan mereka berbuat demikian, katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak menjangkakan banyak masalah di Myanmar dan berjanji bahawa kerajaan, ahli perniagaan dan saintis Malaysia akan memberikan kerjasama penuh kepada rakan usahasama mereka di sini.

Katanya persidangan itu menumpukan khas kepada teknologi dan terdapat banyak perkara yang boleh dilakukan oleh kedua-dua pihak demi manfaat bersama, terutamanya dalam mewujudkan kerjasama dalam bioteknologi, kerana Malaysia dan Myanmar dilimpahi dengan kekayaan sumber flora dan fauna, asas bagi genomik, sains masa depan.

Dr Mahathir berharap persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia akan menjadi perintis bagi siri kerjasama yang akan meningkatkan lagi tahap sosio ekonomi kedua-dua negara.

Beliau berkata persidangan itu merupakan bukti terhadap komitmen berterusan di pihak kerajaan Malaysia untuk memakmurkan jiran-jirannya melalui kerjasama ekonomi dan perniagaan.

Lima kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan tiga hari bertema "Peluang Perniagaan dan Kerjasama Teknologi Antara Malaysia Dan Myanmar", yang dihadiri terutamanya mereka dari sektor perniagaan kedua-dua negara.

Antara pembentang kertas kerja ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia Datuk Seri Rafidah Aziz, yang akan membincangkan perdagangan serantau sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi dan Menteri

Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie yang akan memperkatakan mengenai memacu pertumbuhan ekonomi dalam era digital.

-- BERNAMA

RON MFJ RHM